

MAJLIS PROFESOR NEGARA  
Jabatan Perdana Menteri

Aras 5, Blok C7, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Presint 1, 62520 Putrajaya, MALAYSIA

☎ : +603 - 8870 2800    ✉ : admin@majlisprofesor.my  
☎ : +603 - 8870 2880    🌐 : www.majlisprofesor.my

(National Council of Professors, Malaysia)

Ruj.kami : JPM.MPN.500-21/2 Jld. 3( 7 )

Tarikh : 15 Februari 2018

YBhg. Prof. Dr. Suriani Binti Abu Bakar  
Jabatan Kimia Fakulti Sains dan Matematik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
35900 Tanjung Malim  
Perak Darul Ridzuan

YBhg. Prof.,

## UCAPAN TAHNIAH ATAS PELANTIKAN SEBAGAI PROFESOR

Salam hormat dari Majlis Profesor Negara.

MAJLIS PROFESOR NEGARA (MPN), JPM yang merupakan suatu kolektif Ilmuwan Negara mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah atas pelantikan YBhg. Prof. sebagai Profesor di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mulai 1 September 2017.

2. Menurut Perlembagaan MPN, semua profesor yang berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Negara ini adalah secara automatik menjadi Ahli MPN. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa YBhg. Prof. adalah secara rasminya menjadi Ahli MPN dengan nombor keahlian MPN10035. Untuk makluman, YBhg. Prof. juga diberi pilihan untuk menyertai sekurang-kurangnya satu daripada kluster yang telah diwujudkan berdasarkan kepada bidang kepakaran dan minat YBhg. Prof. seperti di Lampiran A.

3. Bagi tujuan tersebut, pegawai dari MPN iaitu Cik Nurshiratul Aini binti Saini (03-8870 2828 atau nurshiratul@majlisprofesor.my) dan Pn. Siti Haliza binti Ramli (03-8870 2835 atau siti.haliza@majlisprofesor.my) akan menghubungi pejabat YBhg. Prof. untuk segala urusan berkaitan selanjutnya.

Adalah menjadi harapan MPN supaya kenaikan pangkat ke jawatan profesor ini akan meningkatkan semangat YBhg. Prof. untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik demi kemajuan institusi, masyarakat dan negara.

Sekian. Selamat Maju Jaya.

**“MAJLIS PROFESOR NEGARA” sentiasa bersedia  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,



**PROF. DATUK DR. RADUAN CHE ROSE**  
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)



*Perikir Negara* 

### CARTA ALIH PEMILIHAN KLUSTER MAJLIS PROFESOR NEGARA

